

06 NOV 2001

ASEAN-SIDANG KEMUNCAK

PEMIMPIN ASEAN BERTEMU DI HARI AKHIR SIDANG KEMUNCAK

Oleh: Siti Hawa Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, 6 Nov (Bernama) -- Para pemimpin Asean hari ini bertemu pada hari kedua dan terakhir Sidang Kemuncak Asean Ketujuh di sini dan mengadakan mesyuarat Asean+3, masing-masing dengan China, Jepun dan Korea, pagi ini.

Selepas sesi yang berhasil semalam, mereka kini mengadakan perbincangan terperinci dengan rakan dialog mereka.

Setelah mengadakan mesyuarat dua hala, kebanyakan pemimpin itu dijadualkan pulang ke negara masing-masing lewat hari ini.

Bagaimanapun, pemimpin China, Vietnam dan Kemboja hanya akan berlepas pulang esok.

Perbincangan semalam menumpukan kepada pembangunan ekonomi dan integrasi Asean selain menangani kebimbangan terhadap keganasan pengganas.

Sultan Hassanal Bolkiah dari Brunei, semasa membacakan kenyataan pengerusi semalam berkata pemimpin Asean mengesahkan dan menyokong pelbagai usaha dan cadangan yang dikemukakan kepada mereka.

Selain menyokong kajian separuh penggal Pelan Tindakan Hanoi, para pemimpin, juga mengalukan-alukan cadangan untuk melaksanakan kajian daya saing Asean bagi menawarkan peluang kepada negara-negara Asean untuk bekerja dengan lebih erat lagi bagi mengukuhkan daya saing mereka dan sebagai pulangnya memacu integrasi serantau.

Bagi kerjasama ekonomi, para pemimpin juga mengesahkan landasan Singapura-Kunming sebagai projek keutamaan dan mengendoskan laluan yang dipersetujui oleh para menteri yang menghadiri sidang kemuncak berkenaan.

Bagi merapatkan jurang pembangunan, para pemimpin bersetuju untuk melaksanakan Sistem Integrasi Keutamaan Asean (AISIP) pada Januari depan bagi anggota-anggota baru, negara anggota yang baru memperolehi kemudahan laluan tanpa tarif kepada pasaran-pasaran Asean lebih maju lebih awal daripada tarikh sasaran yang dipersetujukan iaitu tahun 2010.

Bagi konsep Kawasan Perdagangan Bebas Asean-China (FTA), setiausaha Agung Asean Rodolfo Severino memberitahu sidang media bahawa pemimpin mendapati idea berkenaan perlu diteruskan.

Bagaimanapun, beliau berkata cadangan kumpulan pakar bagi cadangan berkenaan perlu dilihat memandangkan ianya mempunyai perspektif jangka panjang.

Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyuarakan kebimbangan beliau mengenai kemungkinan faedah sebelah pihak bagi rancangan berkenaan memandangkan barangan dari China akan bersaing terus dengan yang dikeluarkan pengeluar-pengeluar Asean.

Dengan itu, kata beliau, terdapat keperluan bagi memastikan kemasukan barangan China yang banyak di Asia Tenggara tidak akan menjejaskan industri di kawasan berkenaan.

Perdana Menteri China Zhu Rongji, semasa ditanya oleh pemberita semalam mengenai kebimbangan yang China menarik pelaburan asing daripada negara jirannya, berkata ianya bagi membangunkan ekonomi China.

Beliau berkata konsep FTA Asean-China akan menjadi satu insentif kepada rantau itu kerana China mampu membeli lebih banyak produk daripada negar jirannya dan rakyat China boleh mengembara melalui Asia dan membelanjakan wang mereka di sana. -- BERNAMA

SHO SHY NHD